



TARIKH

7 MAC 2019

Utusan
Penyebar fikiran rakyat
MALAYSIA

BH
Berita Harian

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

Sinar
TELUS & TULUS
harian

NEW STRAITSTIMES

Star
The people's paper

BORNEO POST

Bernama.com
Pastikan Benar

my Metro

astro
AWANI

X

Empat agensi desak gantung rundingan, perniagaan minyak sawit

Kuala Lumpur: Empat agensi pengeluar sawit negara FELCRA, FELDA, RISDA dan Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia mendesak kerajaan menggantung semestara segala rundingan atau aktiviti perniagaan membabitkan minyak sawit dengan Kesatuan Eropah.

Pengerusi FELCRA Bhd, Datuk Nageeb Wahab, yang memimpin gerakan empat agensi berkenaan, berkata ia bertujuan menuntut EU menamatkan sekatan produk minyak sawit negara berkuat kuasa pada 2030.

Beliau berkata, keputusan bersama itu dibuat memandangkan selama ini Malaysia terlalu berdiplomasi berunding dengan EU yang mahu memboikot penggunaan produk minyak sawit.

Katanya, tindakan ini dilakukan kerana keputusan EU itu

akan menjasikan pendapatan dan periuk nasi lebih 650,000 pekebun kecil serta lima juta isi rumah di seluruh negara.

"Ini kali pertama kami empat agensi duduk semeja dan berbincang serta membuat keputusan sepakat mendesak kerajaan lebih tegas mengatasi tindakan EU memboikot minyak sawit.

Desakan ekonomi, politik

"Kita sudah buktikan minyak sawit adalah baik, lestari dan tidak memusnahkan hutan serta mencemar alam sekitar, namun tiada siapa dengar suara kami.

"Hanya satu jalan sahaja untuk mendesak EU menarik balik sekatan minyak sawit dengan menggunakan desakan ekonomi dan politik.

"Kerajaan perlu lebih agresif lagi, cukup-cukuplah (terlalu diplomasi) buat masa ini," ka-

tanya pada sidang media selepas mempergerusikan mesyuarat strategik bagi menghadapi kempen antisawit EU di sini, semalam.

Kritikan meluas

Industri minyak sawit negara berdepan kritikan meluas dalam beberapa tahun kebelakangan ini kerana ia dikaitkan dengan penebangan hutan dan sering dituduh menjadi punca jerebu di rantau berkenaan.

Malah, lebih teruk Parlimen EU turut meluluskan resolusi memboikot penggunaan produk minyak sawit dihasilkan menerusi cara tidak mapan menjelang 2030.

Resolusi itu termasuk minyak sawit, komoditi penting bagi Indonesia dan Malaysia yang menghasilkan hampir 90 peratus minyak sawit dunia.

Mengulas lanjut, beliau berkata, tindakan EU ini sebagai

penjajahan ekonomi untuk menyukarkan pekebun kecil negara.

"Ini semua agenda politik mereka dan cuba mensabotaj industri minyak sawit dipelopori Malaysia serta Indonesia. Mereka juga tahu, minyak masak jenis lain tidak mampu menyaiangi kebaikan dan manfaat minyak sawit," katanya.

Nageeb berkata, semua agensi sepakat menghantar memorandum kepada EU dalam tempoh terdekat.

"Memorandum berkenaan akan memperincikan mengenai nasib 650,000 pekebun kecil membabitkan lima juta ahli keluarga yang terkesan dengan tindakan EU memboikot produk kelapa sawit," katanya.

Ketika ini, pasaran EU mengimport 7.5 juta tan minyak sawit dunia dengan 85 peratus daripadanya diimport dari Malaysia dan Indonesia.

BH 7 Mac 2019